

Anwar anggap Tun M laksana tugas dengan baik

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad sudah melaksanakan tugas dengan baik tetapi ada juga melakukan kekhilafan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata demikian dalam temu bual dengan Thai PBS ketika ditanya berhubung kekalahan Dr Mahathir bertanding untuk mempertahankan kerusi Parlimennya di Langkawi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), November lalu.

Behau berkata, apa yang perlu dilakukan bekas Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) itu ialah segera menerima hakikat mengenai keadaan berkenaan.

“Saya rasa kita tidak patut ganggu beliau. Beliau sudah menjalankan apa yang patut dibuat, namun beliau juga menimbulkan masalah.

“Buat masa ini lebih baik untuk negara maju ke hadapan. Kita kena terima realiti. Bagi saya, beliau ataupun sesiapa sahaja, lagi cepat lagi bagus.

“Kita kena terima hakikat yang kita mempunyai peranan. Kita sepatutnya baca isyarat. Apabila ia sudah terjadi, ia terjadi,” katanya

Behau berkata demikian ketika ditanya sama ada mempunyai jawapan terhadap kekalahan bekas Perdana Menteri itu pada PRU15.

Dr Mahathir yang kembali aktif dalam politik selepas memenangi Langkawi pada PRU-14, Mei 2018 lalu, bagaimanapun kalah teruk pada PRU15 di kerusi sama apabila hanya memperoleh 4,566 undi.

Calon Perikatan Nasional (PN), Datuk Suhaimi Abdullah memenangi kerusi itu dengan majoriti 13,518 selepas mendapat 25,463 undi.

Sementara itu, Anwar menegaskan tiada tempoh ‘bulan madu’ baginya dan pentadbiran dalam Kerajaan Perpaduan melalui tempoh 100 hari pertama yang bakal tiba tidak lama lagi.

Beliau berkata, sejak mula penubuhan kerajaan, semua rakan sekerjanya mendapat mesej yang jelas supaya komited dan bekerja keras dalam menetapkan parameter yang betul, berhubung tadbir urus negara dengan baik.